

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI]
TARIKH : 10.6.2014
NO. SOALAN :

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah tahfiz yang berdaftar, tidak berdaftar, menerima bantuan penuh dan tidak menerima bantuan serta pelajar sekolah tahfiz yang membuat kerja mengumpul dana pada waktu persekolahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan sekolah tahfiz yang telah berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) KPM seluruh Negara adalah sebanyak 12 buah. Semua sekolah ini layak menerima bantuan tahunan kerajaan seperti yang dinikmati oleh sekolah bantuan kerajaan yang lain. Manakala maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menunjukkan sekolah tahfiz yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri pada masa kini adalah sebanyak 326 buah.

Keseluruhan sekolah tahfiz yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri ini telah menerima bantuan secara *one off* pada tahun 2011 sebanyak RM95 juta seperti bantuan pembaikan kecil, bantuan perpustakaan, bantuan per kapita dan kursus/ latihan guru. Keseluruhan sekolah tahfiz ini juga akan diberi bantuan secara *one off* sebanyak RM50 juta pada tahun ini dalam bentuk bantuan pembaikan kecil dan penyelenggaraan.

Berkaitan isu pelajar sekolah tahfiz yang membuat kerja mengumpul dana pada waktu persekolahan, KPM sentiasa memastikan semua guru dan murid sekolah bantuan penuh dan sekolah bantuan kerajaan melaksanakan dasar Melindungi Masa Instrusional (MMI) dan tidak pernah memberi apa-apa kebenaran kepada murid sekolah tahfiz yang membuat kerja mengumpul dana pada waktu persekolahan.

Rjm37